

**SPP UPSI BIL. 4 TAHUN 2010**

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**WAKTU BEKERJA SEPANJANG BULAN RAMADHAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa, Universiti telah bersetuju agar sepanjang bulan Ramadhan 1431 ini iaitu mulai 11 Ogos sehingga 9 September 2010, waktu rehat tengah hari dipendekkan setengah jam bagi membolehkan waktu pejabat ditamatkan lebih awal iaitu pada jam 4.30 petang.

2. Berikut adalah jadual waktu pejabat sepanjang bulan Ramadhan ini.

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin – Khamis	8.00 pg. – 1.30 t/hari	1.30 t/hari – 2.00 ptg	2.00 ptg – 4.30 ptg
Jumaat	8.00 pg. – 12.30 t/hari	12.30 t/hari – 2.30 ptg	2.30 ptg – 4.30 ptg

**PENGECUALIAN**

Pekeliling ini **tidak terpakai** kepada kakitangan berikut:

1. Bekerja secara syif
2. Pensyarah yang tertakluk dengan jadual kuliah.

3. Pemakaian pekeliing ini adalah **tertakluk kepada budi bicara Ketua PTj** masing-masing mengikut perkara-perkara berikut:

- 3.1. Keutamaan tugas hakiki yang menuntut kakitangan bertugas seperti biasa iaitu sehingga jam 5.00 petang;
- 3.2. Bagi kakitangan bukan muslim yang boleh memilih mengikut pekeliing ini atau bekerja seperti biasa (8.00 pagi hingga 5.00 petang).

4. Harus diingatkan bahawa Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberi kelonggaran kepada kakitangan membuat persiapan berbuka puasa. Sehubungan itu, sekiranya kakitangan berhasrat untuk melakukan **kerja lebih masa (OT)** maka **ianya tetap dikira bermula dari jam 5.00 petang.**

***SELAMAT MENYAMBUT RAMADHAN ALMUBARAK***

Terima kasih.

**'Pendidikan Gemilang Menuju Wawasan'**

Yang benar,

**(DATO' RUSLEY BIN TAIB)**

Pendaftar

s.k.

Y.Bhg. Dato' Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Bendahari

Pengarah BHKA

Unit Pentadbiran BSM - Mohon dapat selaraskan masa tamat bekerja kepada jam 4.30 petang sepanjang Ramadhan ini di dalam IMS.